

Gelombang kedua jejas 5,000 penduduk

Kota Kinabalu: Banjir gelombang kedua melanda Tenom dan Beaufort dalam tempoh sebulan, semalam dengan lebih 40 kampung dinaiki air dan menjejaskan kira-kira 5,000 penduduk.

Setakat jam 6 petang semalam, seramai 317 mangsa membabitkan 101 keluarga dipindahkan di tiga pusat pemindahan di kedua-dua daerah.

274 dipindahkan

Daripada jumlah itu, seramai 274 orang daripada 90 keluarga dipindahkan di Dewan Masyarakat Membakut, Beaufort, manakala 24 mangsa daripada lapang keluarga dipindahkan di Dewan Masyarakat Baru, pekan Beaufort dan seramai 19 mangsa daripada tiga keluarga dipindahkan di Rumah Kebudayaan Kampung Naluyan, Tenom.

Di **Beaufort**, 10 jalan di sekitar daerah ini, iaitu Jalan Padas, Jalan Mahkamah, Jalan Malulugus, Jalan Lawa, Jalan Bukau, Jalan Limbawang, Jalan Luagan, Jalan Bangkalalak, Jalan Suasa dan Jalan Membakut-Bambangan turut ditutup akibat ditenggelami air.

Turut terjejas ialah operasi Keretapi Negeri Sabah (KNS) antara Stesen Beau-

fort-Kota Kinabalu dan Stesen Beaufort-Tenom berikutan beberapa laluan ditenggelami air.

Bagi perkhidmatan KNS dari Kota Kinabalu ke Beaufort, kereta api hanya beroperasi sehingga Stesen Bongawan di Papar, kira-kira 30 kilometer dari Stesen Beaufort.

Catat paras air 8.7 meter

Pegawai Daerah Beaufort, Mohd Shaïd Othman, berkata di pekan Beaufort, air mula naik kira-kira jam 10 malam kelmarin selepas air Sungai Padas mencatat paras bahaya 8.7 meter dan melimpahi tebing sebelum terus meningkat hingga mencecah 9.5 meter bermula jam 9 pagi hingga lewat petang, semalam.

Di **Tenom**, Pegawai Daerahnya, Madiyem Layapan, berkata tiga kampung terjejas teruk iaitu Langsat, Undusan dan Naluyan berikutan limpahan Air Sungai Padas yang mencatat bacaan melebihi paras bahaya 177.6 meter, petang semalam.

Sementara itu, sebanyak 10 sekolah ditutup kerana dinaiki air dan menjejaskan seramai 2,526 murid dan pelajar di Beaufort.

Pengarah Jabatan Pendidikan Sabah, Datuk Jame Alip, berkata selain di Beaufort, sebuah sekolah turut ditutup di Papar iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Sumbiling kerana jalan masuk ke sekolah tidak dapat dilalui, menjejaskan seramai 176 murid.

Jame berkata, sebanyak 14 sekolah termasuk sebuah sekolah menengah terbabit dengan banjir di Beaufort, Papar dan Tenom, semalam, membabitkan seramai 2,982 murid dan pelajar serta 306 guru.

